



Headline	SSTMI cipta sejarah		
MediaTitle	Harian Metro(www.hmetro.com.my)		
Date	04 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	20	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 500
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,500

SSTMI cipta sejarah

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8289379589&z=1650248895](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8289379589&z=1650248895)

Kuala Lumpur: Hasrat besar Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI Thunderbolt) untuk mempertahankan Piala Milo menjadi kenyataan apabila meraih kemenangan tipis 1-0 ke atas UniKL Young Guns pada aksi final di Stadium Hoki Bukit Jalil semalam. Kejayaan itu bermakna, SSTMI mencipta sejarah selaku pasukan pertama berjaya mempertahankan Piala Milo buat kali ketiga berturut-turut selepas berjaya memenanginya pada 2011 dan tahun lalu. Kejayaan semalam juga melengkapkan dominasi mereka musim ini selepas menjuarai saingan Divisyen Satu sebelum ini. Pada perlawanan semalam, Shahril Saabah muncul wira apabila menjaringkan gol tunggal pada minit kelima menerusi pukulan sudut penalti. UniKL pula menyalahkan diri mereka sendiri apabila gagal menyempurnakan sembilan pukulan sudut penalti yang dihadiahkan kepada mereka. Meskipun memberikan persembahan terbaik, ia masih belum cukup untuk menafikan kemenangan SSTMI. Sementara itu, pada penentuan tempat ketiga, MBI Anderson menewaskan SSTMI Junior 3-2 menerusi gol emas yang disumbangkan oleh Abdul Rauf Mohd Nazri pada minit ke-77. MBI di depan pada minit kelapan menerusi Mohd Soffian Kamaruddin sebelum SSTMI Junior menyamakan kedudukan pada minit ke-33 menerusi Azhad Akmal Mohd Fahmi. Danial Asyraf Abdul Ghani meletakkan SSTMI di depan pada minit ke-56 sebelum N Kartigen menyamakan kedudukan pada penghujung permainan. Selaku juara, SSTMI membawa pulang RM25,000, UniKL pula RM15,000 dan MBI di tempat ketiga RM12,000. Artikel ini disiarkan pada : 2013/